



AHMAD SHABERY CHEEK mendukung seekor kucing ketika sesi pemilihan kucing bagi kategori Pilihan VIP dalam Sambutan Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 di Kuala Lumpur, semalam.

Hospital Veterinar ditambah RMK-12

KUALA LUMPUR 9 Okt. - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merancang menambah hospital veterinar di negara ini dalam pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pada masa ini terdapat hanya sebuah hospital veterinar yang beroperasi iaitu di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, langkah itu penting agar kepentingan infrastruktur dalam perkara melibatkan kebajikan haiwan tidak dilupakan.

"Kita merancang menambah tiga atau empat lagi hospital veterinar tetapi mengikut kelulusan yang diberikan Kementerian Kewangan, namun setiap daerah di seluruh negara telah mempunyai cawangan Jabatan Haiwan

dalam memberikan khidmat asas berkenaan kebajikan haiwan.

"Malah, klinik swasta yang menyediakan perkhidmatan veterinar juga telah banyak beroperasi di seluruh negara tetapi di peringkat hospital cuma ada satu sahaja," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Kamarudin Md. Isa.

Sementara itu, Ahmad Shabery berkata, pihaknya mahu Sambutan Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan dapat berlangsung secara lebih meriah pada masa akan datang.

"Tahun ini merupakan kali pertama kita mengadakan Sam-

butan Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan selepas Akta Kebajikan Haiwan 2015 diwartakan pada 29 Disember tahun lalu dan kita mahu sambutan ini akan lebih meriah sama seperti kita menyambut Hari Belia, Hari Wanita dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai persediaan kementerian menghadapi fenomena air pasang besar, Ahmad Shabery berkata, pihak kementerian telah bersiap siaga untuk berhadapan sebarang kemungkinan termasuk proses pemindahan serta penghantaran bantuan awal untuk makanan haiwan ternakan.

"Selain itu, sekiranya berlaku kerosakan kita ada Tabung Bencana dan sekiranya layak, mangsa yang terjejas boleh memohon untuk bantuan," katanya.